

Headline	TIP TIP KESELAMATAN SELEPAS BANJIR		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	08 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	13
ArticleSize	432 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 29,199		



TIP-TIP KESELAMATAN SELEPAS BANJIR



Panduan keselamatan menguruskan perkara berkaitan elektrik selepas banjir

Patuhi arahan pihak berkuasa

Dapatkan hebahan maklumat terkini mengenai keadaan banjir di tempat anda melalui radio, televisyen, media dan bilik-bilik gerakan banjir. Jangan kembali ke kediaman sebelum dibenarkan berbuat demikian setelah keadaan betul-betul selamat.



Jangan hidupkan perkakasan elektrik yang terendam di dalam air

Peralatan elektrik yang sudah terendam di dalam air terdedah kepada risiko litar pintas yang boleh menyebabkan kerosakan lebih teruk. Dapatkan nasihat juru elektrik yang berkelayakan untuk melakukan pemeriksaan.



Pastikan keadaan rumah dan sekeliling selamat

Periksa semula persekitaran rumah selepas dibersihkan. Pastikan longkang dan saluran najis ditutup dengan kemas bagi mengelakkan bahaya.



Dapatkan nasihat kontraktor pendawaian elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga

Layari laman web Suruhanjaya Tenaga www.st.gov.my untuk pemeriksaan elektrik di kediaman anda.



Elakkan dari mengalih atau memegang wayar elektrik yang terputus

Sentiasa berhati-hati terhadap pendawaian elektrik yang terjejas akibat banjir bagi mengelak risiko terkena kejutan elektrik.



Hubungi TNB

Hubungi talian 15454 atau berkunjung ke pejabat TNB berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan tindakan.

Jauhi kawasan talian elektrik yang rosak dan terjejas akibat banjir

Jauhi diri daripada menghampiri kawasan pencawang dan tiang elektrik yang tumbang atau kabel elektrik yang terjuntai untuk mengelak kejutan elektrik.

